

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan rakyat negara ini yang tinggal di kawasan pedalaman Kelantan, Sabah dan Sarawak mendapat bekalan air bersih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Semenanjung di bawah RMKe-11 adalah sebanyak 36 buah projek dengan kos siling keseluruhan adalah sebanyak RM990juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah projek adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Kelantan dengan kos siling keseluruhan sebanyak RM240juta. Bagi 10 projek di Negeri Kelantan tersebut, 4 projek telah siap, 5 projek sedang dalam pembinaan dan 1 projek sedang dalam peringkat rekabentuk.

Selanjutnya, bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sabah di bawah RMKe-11 sebanyak enam puluh tiga (63) buah projek sedang dan akan dijalankan dengan kos keseluruhan adalah sebanyak RM2.04 billion. Daripada enam puluh tiga (63) buah projek tersebut, dua puluh satu (21) projek dalam peringkat pembinaan, tiga puluh lapan (38) dalam peringkat rekabentuk dan empat (4) projek telah siap.

Manakala bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak, di bawah RMKe-11 sebanyak empat puluh (40) projek sedang dan akan dilaksanakan dengan kos keseluruhan adalah sebanyak RM2.4 billion. Daripada empat puluh (40) projek tersebut, sebelas (11) projek telah siap pembinaan, tiga belas (13) projek adalah dalam peringkat pelaksanaan dan enam belas (16) projek adalah dalam peringkat reka bentuk.

Untuk makluman Yang Berhormat jua,

Selain dari itu, Kementerian juga ada melaksanakan projek-projek bekalan air secara kaedah alternatif seperti telaga tiub, air graviti dan lain-lain kaedah yang bersesuaian bagi kawasan-kawasan pedalaman dan tidak ekonomik untuk dibuat secara retikulasi paip.

Sepanjang RMKe11 sebanyak 19 projek BALB Alternatif telah dilaksanakan di Negeri Kelantan dengan kos keseluruhan sebanyak RM6.7 juta. Bagi Negeri Sabah sebanyak 105 projek BALB Alternatif telah dilaksanakan dengan kos keseluruhan sebanyak RM22.5 juta

manakala bagi Negeri Sarawak sebanyak 53 projek BALB telah dilaksanakan dengan kos keseluruhan sebanyak RM7.4 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar ini berjalan dengan lancar Kementerian sentiasa melakukan libat urus dengan Kerajaan Negeri seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan agensi-agensi negeri bagi memastikan pelaksanaan projek Infrastruktur di Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak berjalan dengan lancar.

Selain daripada itu, Kementerian bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga telah menubuhkan tiga(3) jawatankuasa bagi tujuan di atas, iaitu:

- i. Jawatankuasa Induk – dipengerusikan bersama oleh YB Menteri KPLB bersama YAB Ketua Menteri / Timbalan Ketua Menteri;
- ii. Jawatankuasa Bersama – dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha KPLB dan Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- iii. Jawatankuasa Teknikal – dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPLB bersama Wakil Negeri Sabah / Sarawak.

Sekian, terima kasih.